

BULETIN SUKAN

EDISI JANUARI FEBRUARI 2025

PROGRAM PUTRASIHAT 10,000 LANGKAH UPM

UPM melalui kerjasama Akademi Sukan, Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (PKU), Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak (WAZAN), Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP), Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti (APSeC), Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) dan Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) telah menganjurkan Program PUTRASihat: 10,000 Langkah UPM pada 28 Februari 2025 (Jumaat) dan bertempat di Foyer Dewan Besar PKKSSAAS, UPM. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah, Naib Canselor UPM. Beliau menekankan mengenai kepentingan mencegah obesiti dan kos kesihatan yang semakin meningkat melalui aktiviti tersebut. Untuk makluman, seramai 1,350 peserta telah mengambil bahagian dalam program ini yang melibatkan pegawai dan pelajar dari UPM. Semoga warga UPM dapat meneruskan budaya hidup sihat dan sentiasa peka terhadap kesihatan tubuh badan.



MESYUARAT PENETAPAN KPI UNIT FASILITI DAN OPERASI SUKAN TAHUN 2025

Unit Fasiliti dan Operasi Sukan Akademi Sukan telah mengadakan Mesyuarat Penetapan KPI pada 13 Januari 2025 (Isnin) bertempat di Bilik Seminar, Akademi Sukan UPM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh En. Mohamad Razizi Bin Midin, Ketua Seksyen Fasiliti, Pegawai Belia Dan Sukan. Mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh pegawai dan staf dibawah Unit Penyelenggaraan Dan Pengurusan Projek serta Unit Operasi Dan Inventori.



PERBINCANGAN BAGI SISTEM TEMPAHAN FASILITI SUKAN SECARA DALAM TALIAN

Telah diadakan perbincangan bagi sistem tempahan fasiliti sukan secara dalam talian bertempat di Bilik Mesyuarat IDEC Alpha pada 14 Januari 2025. Turut bersama menghadiri perbincangan ini adalah YBhg. Prof Hamiruce Marhaban. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Ts. Syemsul Bahrim Abdul, Timb. Pengarah Perkhidmatan ICT IDEC.



BENGKEL PELAKSANAAN PENGANJURAN VARSITY SPORTS CHAMPIONSHIP 2025 BAGI VTF, VSL & STL: PERSEDIAAN PASUKAN (MALAYSIAN UNIVERSITY)

Bengkel Pelaksanaan Penganjuran Varsity Sports Championship 2025 bagi VTF, VSL dan STL: Persediaan Pasukan (Malaysian University) telah berlangsung pada 15-17 Januari 2025 bertempat di Hotel Imperial Heritage, Melaka. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hanafiah Ayub, Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT. Turut hadir ke bengkel adalah wakil Seksyen Sukan KPT, wakil-wakil Majlis Sukan IPT, wakil Persatuan Sukan serta Pegawai - Pegawai dari UPM dan IPT yang lain. Semoga dengan pelaksanaan bengkel ini dapat memudahkan urusan dan perancangan bagi pasukan Malaysian University dalam VTF, VSL & STL.



BENGKEL PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN DAN PUSAT SUKAN TUMPUAN, AKADEMI SUKAN, UPM

Bengkel Pusat Kecemerlangan Sukan Dan Pusat Sukan Tumpuan, Akademi Sukan, UPM telah dijalankan pada 27 & 28 Januari 2025 (Isnin & Selasa) bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang. Pada hari pertama, bengkel telah dimulakan dengan taklimat ringkas oleh En. Muhammad Malik Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet Dan Staf Akademi Sukan UPM. Hari terakhir bengkel pula, En. Tony Azman Hassan, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memberi ucapan semasa resolusi bengkel ini dan majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Ybhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan, UPM. Turut hadir ke bengkel adalah wakil Seksyen Sukan KPT, wakil Persatuan Sukan, Pegawai UPM dan wakil Atlet PKS Olahraga, Ragbi dan PST Memanah. Semoga bengkel yang telah dijalankan selama dua hari ini dapat memberikan input dalam penghasilan perancangan program Sukan Olahraga, Ragbi dan Memanah bagi tahun 2025.



HARI TERBUKA SUKAN DRONE AKADEMI SUKAN, UPM

Bahagian Akademik & Penyelidikan Akademi Sukan UPM dengan kerjasama Syarikat Futurise telah menjalankan Program Hari Terbuka Sukan Drone Akademi Sukan, UPM bertempat di Dewan Serbaguna Akademi Sukan UPM. Untuk makluman, program ini telah dirasmikan oleh Dr. Eugene Koh Boon Yau, Timbalan Pengarah Bahagian Akademik & Penyelidikan dan telah dihadiri oleh pegawai dan staf Akademi Sukan UPM dan pelajar-pelajar serta peminat sukan drone.

Antara aktiviti menarik yang ditawarkan adalah seperti:

1. Drone Simulation
2. Drone Soccer Showcase
3. Peserta telah mencuba bermain drone Soccer.



PERTANDINGAN INOVASI SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN PERINGKAT KEBANGSAAN (PISTEK 2025)

Akademi Sukan melalui Bahagian Akademik dan Penyelidikan telah menyertai Pameran Inovasi Soccer Drone kerjasama dengan Syarikat Futurise di Pertandingan Inovasi Sains, Teknologi dan Kejuruteraan peringkat Kebangsaan (PISTEK 2025). Pameran ini telah diadakan pada 4 hingga 6 Februari 2025 bertempat di Universiti Multimedia (MMU), Cyberjaya. Untuk makluman, syarikat Futurise merupakan syarikat yang telah bekerjasama dengan Akademi Sukan UPM di bawah Bahagian Akademik & Penyelidikan dalam pembangunan sukan drone.



KUNJUNGAN HORMAT AKADEMI SUKAN UPM KE KLFA

Akademi Sukan melalui Bahagian Perundingan, Jaringan Komuniti Dan Pembangunan telah mengadakan kunjungan hormat ke Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA) yang telah diketuai oleh Dr. Samir Muhazzab Amin, Timbalan Pengarah Bahagian Perundingan, Jaringan Komuniti Dan Pembangunan pada 10 Februari 2025 (Isnin). Kunjungan ini berkenaan kerjasama strategik penggunaan fasiliti sukan dan pengurusan padang. KLFA juga turut berminat dengan kerjasama penyelidikan dan pengurusan sukan pada masa akan datang.



MSL CHAMPIONSHIPS SEASON 4, 2025

Sekalung tahniah kepada Pasukan E-Sport UPM X MV atas kejayaan merangkul gelaran Naib Johan di MSL Championship Season 4, 2025 bertempat di Kompleks DATUM, Jelatek, Kuala Lumpur pada 22 - 23 Februari 2025. Kejayaan mereka ini telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM10,000.00.



MESYUARAT KOLABORASI ANTARA AKADEMI SUKAN DAN KESATUAN OLAHRAHA MALAYSIA (KOM)

Telah berlangsung Mesyuarat Kolaborasi Antara Akademi Sukan dengan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) bertempat di Bilik Mesyuarat Akademi Sukan, UPM pada 13 Februari 2025. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan UPM dan Mr. Robert J. Ballard, Pengarah Teknikal Kejurulatihan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) sebagai ketua wakil Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM). Turut hadir bersama En. Muhammad Malik Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet dan Staf, En. Muhammad Al-Amin Mustafha, Ketua Seksyen Kecemerlangan Sukan, Cik. Anis Naazirah Abdul Rauf, Pegawai Penyelidik Makmal Prestasi, Pengurusan dan Kesihatan Sukan, En. Muhammad Bazli Kamaruddin, Pegawai Tadbir dan En. Nor Azmi Sulaiman, Pembantu Belia dan Sukan Kanan dari Unit Operasi Fasiliti serta En. Kannathasan Subramaniam, Projek Larian 100 meter bawah 10 saat.



SESI LAWATAN AKADEMI SUKAN UPM KE PERSATUAN BOLA SEPAK SELANGOR (FAS)

Akademi Sukan UPM telah mengadakan sesi lawatan ke Persatuan Bola Sepak Selangor bagi tujuan perbincangan program kerjasama dan kepakaran yang melibatkan penyelidikan, penganjuran kursus dan latihan serta perancangan program pembangunan sukan di peringkat akar umbi, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sesi lawatan ini telah dihadiri oleh Dr. Eugene Koh Boon Yau, Timbalan Pengarah (Bahagian Akademik dan Penyelidikan) Akademi Sukan UPM, Encik Mohamad Malik Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah (Bahagian Pengembangan Atlet dan Staf) Akademi Sukan, UPM dan beberapa wakil pegawai dari Akademi Sukan UPM. Turut hadir sama wakil dari Persatuan Bola Sepak Selangor iaitu Encik Izrin Nabil Ismail, Setiausaha Agung, Persatuan Bola Sepak Selangor dan Dr. Wirdati Mohd Radzi, Exco Persatuan Bola Sepak Selangor. Semoga dengan jalinan kerjasama ini dapat memberikan impak yang positif kepada pembangunan sukan negara.



KEPUTUSAN SEMASA KEJOHANAN SUKAN KOLEJ (SUKPRA) SESI 2024/2025

BIL.	SUKAN	KATEGORI LELAKI		KATEGORI WANITA	
		JOHAN	NAIB JOHAN	JOHAN	NAIB JOHAN
1.	e-Sports MLBB	KOSASS B	KTDI A	KPZ B	K10
2.	e-Sports PUBG	K14 A	KPZ A	K12 A	KTDI B
3.	Badminton	K14 A	K10 A	KTDI A	KC A
4.	Bola Sepak	KTDI	KC		
5.	Merentas Kampus	K10	KOSASS	KTDI	KOSASS
6.	Ping Pong	K12 A	KPZ B	KTMB	K10
7.	Futsal	KTDI A	KTDI B	KTMB	K10 A
8.	Bola Keranjang	KC A	K10 A	KOSASS A	KPZ
9.	Tenpin Bowling	KC	KTDI	K12	KTDI
10.	Bola Baling	KPZ	KC B	KC A	KPZ A
11.	Petanque	K14 A	K12 A	KTMB B	KPZ
12.	Ragbi 15's	KOSASS B	K12		



TNB MALAYSIAN HOCKEY LEAGUE 2025 PREMIER AND WOMEN

Sekalung tahniah diucapkan kepada 11 atlet hoki wanita UPM yang telah mewakili pasukan Malaysian University dan berjaya menduduki tempat ketiga dalam Kejohanan TNB Malaysian Hockey League dan tempat kedua dalam kejohanan Vivian May Soars. Kejohanan ini telah berlangsung bermula 4 Januari 2025 sehingga 22 Februari 2025 bertempat di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil. Pencapaian ini menjadi tanda aras baharu keupayaan dan semangat juang tinggi pasukan Malaysian University dalam arena hoki tempatan. Dengan prestasi yang semakin meningkat, pasukan ini diharap mampu mencipta kejayaan yang lebih besar dalam kejohanan akan datang. Berikut adalah senarai atlet:

1. Nur Hazlinda binti Zainal Abidin, FPP
2. Dian Nursyakira Najwa Al-Wadqa binti Nazeri, FBK
3. Khairunnisa Ayuni binti Mohd Sharuddin, FBK
4. Nurul Fatin Fatiah binti Azman, FPP
5. Nur Shafika binti Ahmad Kamil, FBK
6. Iren binti Hussin, FBK
7. Thiba Tharsini A/P James, FBK
8. Siti Nur Husna binti Muhd Noh, FPP
9. Kirandeep Kaur, FPSK
10. Nor Asfarina Isahyifiqa binti Isahhudin, FPP
11. Anith Humaira binti Baharuddin, FPP



LIGA PREMIER FUTSAL IPT 2025

Sekalung tahniah buat Pasukan Futsal UPM kerana berjaya ke peringkat Liga Premier Futsal IPT 2025 selepas berjaya mengalahkan Pasukan KPTM Kuantan di peringkat suku akhir play-off Liga Futsal IPT 2025 bertempat di Sport Arena, UNITEN. Untuk makluman, liga ini telah berlangsung bermula pada 21-24 Februari 2025. Semoga pasukan UPM lebih cemerlang untuk kejohanan seterusnya di Liga Premier Futsal IPT.



**"THE DIFFERENCE
BETWEEN THE
IMPOSSIBLE
AND THE POSSIBLE
LIES IN A MAN'S
DETERMINATION."**

TOMMY LASORDA
PROFESSIONAL BASEBALL
PITCHER